**KETERANGAN TERPERINCI TERHADAP FAKTA KURANG TEPAT YANG DITERBITKAN OLEH BH ONLINE 10 NOVEMBER 2014**

| PERKARA | KENYATAAN PIHAK MEDIA | KENYATAAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013 SIRI 3 |
|---|---|---|
| Tahun/Tarikh Keluaran | **10 November 2014 (Isnin)** | Laporan Ketua Audit Negara Persekutuan Tahun 2013 Siri 3<br>**PENGURUSAN KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA ASET Kementerian Kesihatan Malaysia**<br>(Muka surat 404 - 431) |
| Tajuk/Muka Surat/Perenggan yang terlibat | **Laporan Ketua Audit Negara: Aset RM44.19 juta milik Kementerian Kesihatan hilang bagi 2011 - 2013** | LKAN melaporkan jumlah kehilangan aset keseluruhan KKM (*Para 18.1.2. , muka surat 404-405*) dan kehilangan aset bagi 4 hospital yang dipilih sebagai sampel (*Para 18.5.2.1. muka surat 411-414*) |
| Petikan yang terlibat<br><br>(Tumpuan kepada perenggan/ayat/nombor bertanda merah) | 'Sebanyak **RM44.19 juta** nilai aset di **empat hospital** Kementerian Kesihatan didapati hilang bagi tempoh 2011 hingga 2013." | Berdasarkan maklumat yang dikeluarkan oleh UPAS dan hasil analisis Audit mendapati sebanyak 1,102 unit aset bernilai RM4.20 juta telah dilaporkan hilang di empat hospital yang dipilih bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. (*Para 18.5.2.1. muka surat 411*)<br><br>(LKAN tidak menyatakan kehilangan aset sebanyak RM44.19 juta di **empat hospital** tetapi ia merupakan kehilangan aset Kementerian Kesihatan bagi tempoh 2011 hingga 2013. Bagi 4 hospital yang dipilih hanya berlaku kehilangan aset berjumlah **RM4.20** juta bagi tempoh 2011 hingga 2013. ) |

## KENYATAAN YANG SALAH



BH ONLINE

UTAMA SEMASA POLITIK SUKAN DUNIA BISNES JENAYAH KOLUMNIS REN

SEMASA

ISNIN, 10 NOVEMBER 2014 @ 6:09 PM

**Laporan Ketua Audit: Aset RM44.19 juta milik Kementerian Kesihatan hilang bagi 2011-2013**

Tweet 19 | g+1 0

KUALA LUMPUR: Sebanyak RM44.19 juta nilai aset di empat hospital Kementerian Kesihatan didapati hilang bagi tempoh 2011 hingga 2013.

Perkara itu didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri Tiga 2013 yang diserahkan kepada Dewan Rakyat, hari ini.

**PEMBETULAN**

LKAN melaporkan sebanyak RM4.20 juta aset di empat hospital Kementerian Kesihatan didapati hilang bagi tempoh 2011 hingga 2013.